

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MESYUARAT PERWAKILAN YANG KE-10 PARTI GERAKAN DI DEWAN SERI PINANG, PULAU PINANG PADA 21 NOVEMBER, 1981

Saya mengucapkan terima kasih kepada Presiden Parti GERAKAN Dr Lim Kheng Yaik, dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Parti yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Perwakilan Yang ke-10 Parti GERAKAN pada hari ini.

Ini adalah merupakan kehadiran saya yang pertama kali di Mesyuarat Perwakilan Parti GERAKAN setelah saya memegang jawatan Perdana Menteri dan presiden Barisan Nasional. Kehadiran saya di majlis yang dihadiri lebih daripada 2 ribu orang perwakilan merupakan satu peluang yang baik bagi saya untuk bertemu muka dengan semua lapisan ahli Parti. Walaupun kehadiran saya ini tidak meluangkan masa yang begitu banyak untuk saya berkenal mesra dengan ahli-ahli parti, namun demikian memandang kepada kesibukan saya ini memberi faedah yang besar kepada saya. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada Parti GERAKAN serta ahli-ahlinya yang telah memberi sokongan dan kepercayaan penuh kepada saya untuk memimpin Barisan Nasional.

Wujudnya Barisan Nasional sebagai satu gabungan parti-parti politik yang mendukung Kerajaan merupakan satu keganjilan kepada mereka yang kurang biasa dengan negara kita. Setengah anggota masyarakat di seberang laut menganggap Kerajaan Barisan Nasional di Malaysia sebagai satu bentuk pemerintahan yang lemah kerana kemungkinan desakan dan tekanan daripada berbagai-bagai pihak di dalam Barisan Nasional. Kepada kita di dalam Barisan Nasional, kita faham bahawa Barisan Nasional adalah sesuai dengan kehendak dan suasana di negara kita. Melalui Barisan Nasional kita dapat mencapai kata sepakat dalam hal-hal yang besar. Kita juga dapat bertukar-tukar pendapat meluaskan penerimaan anggota parti dan rakyat terhadap sesuatu perkara atau isu. Melalui Barisan Nasional juga kita dapat